

SISTEM BUKU TERPAKAI UKM (BOOKFIX)

NUR KHALISHA BINTI ADBUL RAHMAN

Dahlila Putri Dahnil Sikumbang

^{1,2}*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

³*Department Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

Abstrak

Pelajar kini lebih menumpukan kepada penggunaan telefon pintar berbanding membaca buku secara fizikal. Hal ini kerana faktor harga buku yang melambung tinggi di pasaran. Golongan ini lebih selesa melayari laman sesawang atas talian dan ada segelintir melayari lawan sesawang secara haram untuk cetakan buku yang sama dan membaca secara percuma. Penggunaan buku secara atas talian atau e-books lebih relevan kepada pasaran masa kini. Tetapi golongan minoriti yang masih berminat kepada buku fizikal tidak harus disisihkan. Bagi membantu golongan minoriti yang masih memerlukan buku fizikal, satu kaedah penyaluran buku terpakai harus diadakan. Pelajar yang telah bergraduasi yang mempunyai lebihan buku rujukan yang masih dapat di gunapakai tidak di salurkan kepada pusat yang menyediakan khidmat pengambilan buku terpakai. Kempen menderma buku yang hanya diadakan secara tahunan atau bermusim tidak memberi impak yang terlalu besar kepada pembeli mahupun penderma. Cadangan sistem ini agar membolehkan buku –buku lama yang masih baik dan boleh dibuat rujukan di agihan kepada pelajar lain dengan cara yang lebih sistematik dan cekap.

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, membaca boleh didefinisikan sebagai memerhatikan isi sesuatu yg tertulis atau tercetak dgn teliti dan memahamkan makna kandungannya. Marcapada ini, budaya membaca dalam kalangan pelajar kurang dipraktikkan dan sepatutnya dipupuk dan disemai sedari bangku sekolah. Institusi sekolah yang merupakan gedung ilmu perlu mempraktikkan budaya ini dalam kalangan pelajar. Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak sekolah seperti mewujudkan pusat sumber sekolah. Kebanyakan pelajar cakna bahawa pusat sumber sekolah merupakan tempat utama untuk mencari bahan bacaan. Tetapi pelajar-pelajar tidak mengambil kesempatan ini dan hanya membelek atau melihat kulit buku yang menarik tetapi tidak dibaca.

Selain itu, inisiatif lain adalah mengadakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM). Program ini diperkenalkan di bawah pengelolaan pusat sumber sekolah (PSS) pada tahun 1998 dan dilaksanakan pada tahun seterusnya. Program ini bertujuan menganugerahi para pelajar yang berjaya membaca jumlah buku yang ditetapkan oleh pihak pusat sumber sekolah setiap hujung tahun persekolahan. Program ini diadakan untuk memupuk kemauhan membaca dalam kalangan pelajar. Program Nilam ini juga diberi penekanan sebagai persediaan ke arah kecemerlangan dalam Programme for International Student Assessment (PISA). Malaysia menyertai PISA pada tahun 2009 di mana Malaysia mendapat skor 414 pada tahun tersebut dan tahun 2012 dan 2015 masing-masing skor 398 dan 431 (Laporan Tahunan PPM 2016) dan tahun 2018, Malaysia mendapat skor sebanyak 415 (PISA 2018).

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) di bawah usaha Kementerian Pendidikan Malaysia diadakan setiap tahun. Para penulis buku tempatan diberikan peluang untuk mempromosi buku tulisan dan memperkenalkan kepada pengunjung luar negara. Pada tahun 2022, sebanyak 1.25 juta pengunjung telah menghadiri sepanjang 10 hari penganjurannya (Ekhwan Haque Fazlul Haque, 2022). Selain untuk menunjukkan bahawa

inisiatif memupuk tahap membaca lebih tinggi berjaya, industri buku fizikal masih kekal relevan. Pengunjung-pengunjung masih berminat kepada cetakan asli dalam bentuk fizikal walaupun cetakan digital tersedia dan mudah didapatkan. Anjuran ini juga dapat menarik minat para pelancong untuk melawat Malaysia dan membaca karya-karya tempatan yang terkenal.

Sebagai pelajar universiti pastinya tidak dapat menghindar daripada membeli buku rujukan baru setiap semester. Harga sebuah buku rujukan diakui agak mahal dan ini merupakan isu besar kepada pelajar. Pelajar universiti akan berusaha untuk membeli buku rujukan terpakai daripada lepasan graduan kerana boleh mendapat pada harga yang lebih rendah. Bagi para lepasan graduan, sebahagian daripada mereka mungkin ingin menyumbang atau menjual buku yang telah digunakan. Oleh yang demikian, “BookFix” tercetus untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam projek ini adalah Model Agile (Agile Methodology). Model ini membantu untuk mengurangkan risiko keselamatan. Model ini mampu untuk bertindak balas dengan sebarang perubahan projek kerana fleksibiliti model ini. Bagi meningkatkan keselamatan, perhatian yang berterusan perlu dilakukan semasa projek ini berjalan.

1.6.1 Fasa Perancangan

Melalui fasa ini, sistem yang dicadangkan adalah sistem buku terpakai UKM. Ia berfungsi untuk pendermaan, penjualan dan pertukaran buku. Tempoh pelaksanaan pembangunan web dibuat dalam bentuk Gantt Chart. Ini akan menjadi peringkatan sepanjang laman sesawang ini dibina.

1.6.2 Fasa Analisis

Fasa analisis adalah mengenai perkakasan dan perisian sedia ada kerana kos untuk pembangunan projek ini tidak menelan belanja yang banyak. Data mengenai pengumpulan buku terpakai dikaji dan dibincangkan

1.6.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk sistem akan direka bentuk berlainan dari laman sesawang contoh sedia ada. Penambahan ciri khas baru akan direka untuk lebih mesra pengguna dan mudah dicapai bila bila masa sahaja.

1.6.4 Fasa Pengujian

Pada fasa pengujian, sistem telah berjaya di bentuk menjadi prototaip yang pertama. Kesalahan kesalahan teknikal prototaip pertama ini akan di dokumentasikan untuk dijadikan rujukan. Perkakasan dan perisian yang telah disenarai sebelum ini akan digunakan untuk mencipta prototaip yang pertama.

Keputusan dan Perbincangan

Sistem yang dibangunkan menggunakan framework Bootstrap. Oleh itu, perisian utama yang digunakan sebagai kod editor dalam pembangunan sistem ialah Sublime Text. Bahasa yang digunakan dalam sistem ini ialah php dan javascript. Sepanjang fasa implementasi dilakukan, ujian unit dilakukan untuk memastikan sistem yang dibangunkan berfungsi mengikut fasa yang telah ditetapkan.

The screenshot shows a form titled "Daftar Pelanggan baru". It contains the following fields:

- ID: A text input field containing the value "I".
- Nama pengguna: A text input field.
- Kata laluan: A text input field.
- Tahap Kebenaran: A dropdown menu set to "Sila pilih".
- Nama: A text input field.
- Jantina: A dropdown menu set to "Sila pilih".
- Action buttons: "+ Cipta" (Create), "Hapus" (Delete), and "Log Masuk" (Log In).

Rajah 1 Muka halaman utama

The screenshot shows a login page titled "LOG MASUK". It contains the following fields:

- Email siswa: A text input field.
- Masukkan Kata laluan: A text input field.
- LOG MASUK: A large blue rectangular button.

Rajah 2 Log Masuk



Rajah 3 Muka hadapan

This screenshot displays the 'Tambah buku baru' (Add new book) form and a table of available books. The form includes fields for ISBN ID, Product Name, Condition, and Product Quantity, with 'Create' and 'Clear' buttons. Below the form is a table titled 'Buku Tersedia' (Available Books) with columns for Product ID, Name, Price, Type, and quantity. Each row has 'Detail', 'Edit', and 'Delete' buttons.

Product ID	Name	Price	Type	Quantity
02	The Assassination Bureau	\$9	Single Disc	1
03	Mary Stevens M.D.	\$6.28	Single Disc	1
04	What Lies Beneath	\$5.08	Single Disc	1
05	White as Snow	\$3.34	Single Disc	1
06	The Great Silence	\$4.59	Single Disc	1

Rajah 4 Fungsi tambah buku dan senarai buku

This screenshot shows an invoice page with a header 'INVOCIE' and details: Order: 0649125266016129856487 and Date: 2023-03-08 21:33:16. The page includes sections for 'From: BookFix Sdn. Bhd.' with address information, 'To: Khal', and 'Bank Details' for BookFix Sdn. Bhd., Bank Islam, Account Number: 4302871625438. The invoice table lists two items: 'The Assassination Bureau' at 1 unit each, totaling 178. A note at the bottom states: 'Computer-generated invoice. No signature is required.'

No	Product	Quantity	Price(RM)/Unit	Total(RM)
1	The Assassination Bureau	1	89	89
2	The Assassination Bureau	1	89	89
			Grand Total	178

Rajah 5 Fungsi beli buku

ID Fungsi	ID Kes Ujian	ID Tatacara Ujian	Jenis Pengujian	Alat	Lulus/Gagal	ID Ujian Insiden	Kenyataan
F001	KP_001	PU-01	Kefungsian	Manual	Lulus	-	-
F002	KP_002	PU-02	Kefungsian	Manual	Lulus	-	-
F003	KP_003	PU-03	Kefungsian	Manual	Lulus	-	-

Jadual 1 Kes Ujian

Kesimpulan

Kesimpulannya, proses pembangunan Aplikasi Web Buku Terpakai UKM (BookFix) mengambil masa selama lima bulan. Aplikasi ini dibangunkan untuk mencapai objektif utama iaitu menjadi laman web yang berupaya untuk dijadikan medium kepada orang ramai bagi memudahkan urusan penjualan dan pembelian buku-buku terpakai. Kelemahan aplikasi ini juga telah dikenalpasti dan dinyatakan dengan jelas supaya dapat diatasi pada masa hadapan. Selain itu, cadangan-cadangan penambahbaikan untuk sistem ini juga dititikberatkan supaya kualiti aplikasi BookFix ini dapat dipertingkat dari semasa ke semasa.

Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan projek tahun akhir ini dalam masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia projek akhir tahun saya, Dr. Dahlila Putri Dahnil Sikumbang atas segala dorongan, tunjuk ajar dan sokongan sepanjang tempoh perancangan dan pembangunan projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Teknologi Sains dan Maklumat yang telah berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran. Segala ilmu yang diperolehi di sini dapat membantu saya dalam melengkapkan projek akhir tahun.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perancangan dan pembangunan projek ini.

RUJUKAN

Psbtpnsarawak, S. T. M. S. (2017, October 23). Budaya Membaca Bermula di Rumah. My Library. Retrieved November 9, 2022, from <https://psbtpnsarawak.wordpress.com/2017/10/23/budaya-membaca-bermula-di-rumah/>

ADAM ZULKARNAIN BIN SALENG. (n.d.). KAJIAN KES PEMUPUKAN BUDAYA

MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH. UPSI Digital

Repository (UDRep) : Main Page. Retrieved November 11, 2022, from

<https://ir.upsi.edu.my/doc.php?t=p&id=5bbb6c0127a2116ad5cd0d554299a5f5636a58b4f1cf0>

Raih, R. M. (2022, September 2). Program nilam bantu pupuk semangat Membaca Dalam

kalangan murid. Sinar Bestari. Retrieved November 9, 2022, from

<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/komuniti/program-nilam-bantu-pupuk-semangat-membaca-dalam-kalangan-murid/>

Martin, B. (2022, November 8). Laman web untuk membeli Buku Terpakai. Actualidad Literatura.

Retrieved January 12, 2023, from <https://www.actualidadliteratura.com/ms/laman-web-untuk-membeli-buku-terpakai/>

PressReader.com - Digital Newspaper & Magazine subscriptions. (n.d.). Retrieved January 12, 2023, from <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20220320/281973201143128>

Othman, K. (2015, May 13). 3 juta naskhah Buku Terpakai di junk book store - rencana. mStar.

Retrieved January 12, 2023, from <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2015/05/14/kedai-buku-junk>

AR, D. (2017, July 1). 40 Kedai Buku Terpakai di Malaysia, Ini Senarai Untuk Anda Si Kaki Buku. VOCKET. Retrieved January 12, 2023, from <https://www.thevocket.com/kedai-buku-terpakai-malaysia/>

(PDF) Katalog Jualan Buku versi6 - blinkblink.my. dokumen.tips. (n.d.). Retrieved January 12, 2023, from <https://dokumen.tips/documents/katalog-jualan-buku-versi6-.html?page=7>

Di Mana Hendak Menjual Buku Terpakai? Pilihan Terbaik! Segidores. (n.d.). Retrieved January 12, 2023, from <https://segidores.online/ms/tempat-jual-buku-terpakai/>

Hamid, H., & Nadhirah. (2022, April 12). 10+ kedai Buku Terpakai Dan Secondhand sekitar KL Dan Selangor. Blog IMAN. Retrieved January 12, 2023, from <https://blog.imanshoppe.com/kedai-buku-terpakai-kl-selangor/>

Kedai Buku Terpakai United Kingdom. Segalanya Tentang Buku. (2017, February 1). Retrieved January 12, 2023, from <http://www.twtbuku.com/2017/01/kedai-buku-terpakai-united-kingdom.html>

Nur Khalisha Binti Abdul Rahman (A179487)
Dr. Dahlila Putri Dahnil Sikumbang
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia